

# Seni Bersendikan Budaya

## Bahagian A

### Morfologi/ Frasa/ Sintaksis/ Peribahasa

#### Soalan 1 - 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Mak Minah \_\_\_\_\_ daging lembu itu halus-halus untuk dijadikan inti karipap.  
 A memotong      C mencencang  
 B menghiris      D membelah

2.



Abang mengait se\_\_\_\_\_ rambutan menggunakan se\_\_\_\_\_ galah.

- A gugus ... batang
- B biji ... berkas
- C tangkai ... papan
- D mayang ... ikat

#### Soalan 3- 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betulnya.

3. I Cita-citanya untuk menjadi seorang doktor semakin *marak* setelah berjaya melanjutkan pengajian dalam bidang perubatan.  
 II Beberapa orang anggota bomba berusaha untuk mengawal api yang sedang *marak* di bangunan itu.  
 III Tarian artis itu semakin *marak* sehingga memukau para penonton.

IV Kehidupan nelayan itu semakin hari semakin *marak* ekoran musim tengkujuh.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II, dan III sahaja
- D II, III, dan IV sahaja

4. I Encik Zul berusaha untuk mencari *jalan* penyelesaian bagi mengatasi masalah hutangnya itu.  
 II Ibu menasihati abang supaya berhati-hati ketika melalui *jalan* yang gelap di kawasan itu.  
 III Dia *jalan* kehidupan yang tenang setelah memperoleh pekerjaan di syarikat pengiklanan itu.  
 IV Saya teringat kembali *jalan* hidup saya dahulu yang berliku-liku.  
 A I dan II sahaja  
 B III dan IV sahaja  
 C I, II, dan III sahaja  
 D II, III, dan IV sahaja

#### Soalan 5 - 6

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat berikut  **mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak**. Tandakan sama ada **A, B, atau C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.

5. Nek Sinah mengurut-urut kakinya yang lenguh itu sambil menyapu minyak angin.  
 A mengurut-mengurut kakinya kerana lenguh



- B urut-mengurut kakinya yang lenguh
- C urut-urut kakinya kerana lenguh
- D mengurut-urut kakinya yang lenguh

6. Tiap orang yang mengunjungi ke pameran buku itu akan mendapat hadiah istimewa.
- A Setiap orang yang mengunjungi
  - B Setiap orang yang berkunjung
  - C Tiap orang yang berkunjung
  - D Tiap orang yang mengunjungi

### Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

7. I Memotong baju kebaya itu tidak sesuai dengan bentuk badan Ameera.  
 II Kompleks beli-belah itu mengadakan jualan murah bersempena dengan musim perayaan.  
 III Bunyi yang terlalu bising dari tapak pembinaan itu membuatkan ibu sakit kepala.  
 IV Permintaan masyarakat terhadap buah-buahan tempatan semakin meningkat.
- A I dan II sahaja
  - B III dan IV sahaja
  - C I, II, dan III sahaja
  - D II, III, dan IV sahaja
8. I Ravin menegaskan yang dia akan melanjutkan pelajaran di universiti tempatan.  
 II Banyak barangan lama yang berharga tersimpan di dalam bilik itu.  
 III "Sementara belum mendapat pekerjaan tetap, buatlah kerja-kerja sampingan dahulu," nasihat ayah kepada kakak.  
 IV Pohon yang merimbun di tepi sawah itu menjadi tempat berteduh para petani.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II, dan III sahaja
- D II, III, dan IV sahaja

### Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

9. "Kita harus menentang musuh negara hingga titisan darah yang terakhir," kata perajurit itu kepada rakan-rakannya.
- A Perajurit itu menyeru rakan-rakannya agar menentang musuh negara hingga titisan darah yang terakhir.
  - B Perajurit itu menjelaskan bahawa dia dan rakan-rakannya perlu menentang musuh bersungguh-sungguh demi negara.
  - C Perajurit itu menyuruh rakan-rakannya menentang musuh negara hingga titisan darah yang terakhir.
  - D Perajurit dan rakan-rakannya itu perlu menentang musuh negara hingga titisan darah yang terakhir.

### Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

Tiada rotan, akar pun berguna

10. Peribahasa di atas bermaksud
- A sesiapa yang rajin berusaha akan memperoleh rezeki.
  - B kalau tiada yang baik, maka yang kurang baik pun boleh juga.
  - C sengaja mencari masalah yang menyusahkan diri sendiri.
  - D sesuatu yang hilang secara tiba-tiba.



## Pemahaman Petikan

Baca bahan di bawah dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 11 – 15 berdasarkan bahan di bawah.



### PANTUN DUA KERAT (NASIHAT)

Berapa jauh wujud dengan sifat,  
Sejauh lutut dengan pelipat.

Emas, perak, tembaga, suasa,  
Malas bergerak tidak merasa.

Sarang semut dalam gelap,  
Orang selimut selalu *lelap*.

Buah sintang buah senikul,  
Satu memegang satu memikul.

Hitam-hitam pucuk kawa,  
Sungguh hitam dipandang lawa.

Dipetik daripada Antologi *Kuingin Berterima Kasih*,  
Tingkatan 1, Dewan Bahasa dan Pustaka

11. Berdasarkan petikan pantun, perkataan *lelap* membawa maksud

A mimpi.  
B sejuk.  
C lena.  
D dengkur.

12. Rangkap kedua pantun ini menyatakan bahawa

A orang menggunakan selimut untuk tidur.  
B orang yang malas tidak menggunakan selimut.  
C orang yang suka tidur dalam gelap.  
D orang yang suka tidur akan malas bekerja.

13. Satu memegang satu memikul

Baris pantun di atas menunjukkan nilai

A kasih sayang.  
B rasional.  
C kerjasama.  
D hemah tinggi.

14. Buah sintang buah senikul

Gaya bahasa yang terdapat dalam baris pantun di atas ialah

A repetisi.  
B responsi.  
C metafora.  
D anafora.

15. Berdasarkan rangkap keempat, sikap yang harus diamalkan dalam kehidupan ialah

A setia.  
B rajin.  
C amanah.  
D tolong-menolong.